

**SEGERA**



## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **PEMBERIAN DISKAUN TOL SEMPENA SAMBUTAN HARI KRISMAS 2019**

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ingin mengumumkan bahawa pengguna-pengguna akan menikmati diskaun tol di antara 10% hingga 33% di tiga belas (13) lebuhraya manakala di empat (4) plaza tol menawarkan diskaun tol antara 10% hingga 30% sempena sambutan Hari Krismas yang akan disambut pada 25 Disember 2019. Maklumat lanjut mengenai lebuhraya/ plaza tol yang terlibat serta kadar diskaun tol yang ditawarkan adalah seperti di **LAMPIRAN**.

Ingin juga dimaklumkan bahawa tiga belas (13) lebuhraya tidak menawarkan sebarang diskaun tol iaitu:

- i) Lebuhraya Utara - Selatan (PLUS)
- ii) Lebuhraya Seremban - Port Dickson (SPDH)
- iii) Lebuhraya Utara - Selatan Hubungan Tengah (ELITE)
- iv) Lebuhraya Butterworth - Kulim (BKE)
- v) Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia - Singapura (LINKEDUA)
- vi) Jambatan Pulau Pinang (JPP)
- vii) Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2)
- viii) Lebuhraya Kemuning - Shah Alam (LKSA)
- ix) Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH)
- x) Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang (SILK)
- xi) Terowong Jalan Raya Dan Pengurusan Air Banjir (SMART)
- xii) Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)
- xiii) Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)

## SEGERA

LLM ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya di atas pelaksanaan *Program Corporate Social Responsibility (CSR)* di lebuhraya dengan pemberian diskaun sempena perayaan Hari Krismas 2019 sebagai tanda penghargaan mereka kepada pengguna-pengguna lebuhraya.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan semasa melalui ke semua plaza tol bagi memastikan perjalanan yang lancar ke destinasi yang dituju.

Pengguna dinasihatkan untuk merancang perjalanan lebih awal dengan mengikuti Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (*Travel Time Advisory*) yang telah disediakan oleh syarikat-syarikat konsesi. Pengguna juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini daripada pusat pengurusan trafik TMC LLM yang beroperasi 24 jam sehari melalui talian 1800-88-7752 atau akaun Twitter @LLMinfotrafik, atau mana-mana pusat khidmat pelanggan lebuhraya yang berkenaan.

**Ketua Pengarah**

**Lembaga Lebuhraya Malaysia**

**23 Disember 2019**

**SEGERA**

**LAMPIRAN**

**PROGRAM DISKAUN TOL SYARIKAT - SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA  
SEMPENA PERAYAAN  
HARI KRISMAS TAHUN 2019**

**DISKAUN**

<b>BIL</b>	<b>LEBUHRAYA</b>	<b>SINGKATAN</b>	<b>TARIKH PROGRAM/MASA</b>	<b>KADAR DISKAUN (%)</b>	<b>CATATAN</b>
1	LEBUHRAYA DAMANSARA - PUCHONG	LDP	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	33% (KELAS 1 SAHAJA)	
2	LEBUHRAYA CHERAS - KAJANG	GSSB	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	30% KELAS 1 SAHAJA)	
3	LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	MEX	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	15% (SEMUA KELAS)	
4	LEBUHRAYA PINTAS SELAT KLANG UTARA BARU	GSNK	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	15% (KELAS 1 SAHAJA)	
5	LEBUHRAYA DUTA - ULU KELANG	DUKE	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	
6	LEBUHRAYA SHAH ALAM	KESAS	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	
7	LEBUHRAYA KORIDOR GUTHRIE	GCE	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	
8	LEBUHRAYA KL - KUALA SELANGOR	LATAR	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	
9	LEBUHRAYA SUNGAI BESI	BESRAYA	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	
10	LEBUHRAYA SENAI - DESARU	SDE	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	
11	LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - KARAK	KLK	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	
12	LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 1	LPT1	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	
13	JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH	JSAHMS	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	

# SEGERA

## SENARAI LEBUHRAYA YANG MEMBERI DISKAUN TOL DI PLAZA TOL TERTENTU

BIL	LEBUHRAYA	SINGKATAN	TARIKH PROGRAM/MASA	KADAR DISKAUN (%)	CATATAN
1	LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN	SKVE	25.12.2019 06:00 - 23:59) 26.12.2019 (00:00 - 05:59)	30% (KELAS 1 SAHAJA)	PLAZA TOL PULAU INDAH (TRAFIK KELUAR / MASUK)
2	LEBUHRAYA BARU PANTAI	NPE	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	PLAZA TOL PANTAI DALAM & PJS 5
3	LEBUHRAYA KAJANG - SEREMBAN	LEKAS	25.12.2019 (00:00 - 23.59)	10% (KELAS 1 SAHAJA)	PLAZA TOL AMPANGAN

## SENARAI LEBUHRAYA YANG TIDAK MEMBERI DISKAUN TOL

BIL	LEBUHRAYA
1	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN (PLUS)
2	LEBUHRAYA SEREMBAN - PORT DICKSON (SPDH)
3	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE)
4	LEBUHRAYA BUTTERWORTH - KULIM (BKE)
5	LEBUHRAYA LALUAN KEDUA MALAYSIA - SINGAPURA (LINKEDUA)
6	JAMBATAN PULAU PINANG (JPP)
7	LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 (LPT 2)
8	LEBUHRAYA KEMUNING - SHAH ALAM (LKSA)
9	LEBUHRAYA BERTINGKAT AMPANG - KUALA LUMPUR (AKLEH)
10	LEBUHRAYA LINGKARAN PENYURAIAN TRAFIK KAJANG (SILK)
11	TEROWONG JALAN RAYA DAN PENGURUSAN AIR BANJIR (SMART)
12	LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN TRAFIK KUALA LUMPUR BARAT (SPRINT)
13	LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH (BORR)

**SEGERA**